

# PEKELILING NAIB CANSELOR

Bilangan 29 Tahun 2020

## PEKELILING GARIS PANDUAN TERKINI PELANTIKAN PANEL PEGUAM UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan terkini berhubung dengan prosedur yang berkaitan dengan pelantikan panel peguam Universiti Teknologi MARA.

### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pewujudan panel peguam sememangnya telah diamalkan oleh kebanyakan badan-badan berkanun, syarikat dan organisasi lain yang mempunyai pelbagai perkara perundangan untuk ditangani oleh panel peguam yang dipilih tersebut.
- 2.2 Dalam kebanyakan keadaan, panel peguam yang dipilih boleh dilantik untuk mengendalikan perkara-perkara berikut :
  - (a) Kes litigasi civil oleh badan berkanun terhadap pihak lain yang ingin disaman;
  - (b) Kes litigasi civil bagi pihak badan berkanun yang disaman oleh pihak lain;
  - (c) Kerja-kerja penasihat (advisory) perundangan;
  - (d) Kerja-kerja pemindahhakkan (conveyancing) yang melibatkan urusan perundangan dan pentadbiran berkaitan pembentukan, pindahmilik hartanah serta urusan-hartanah yang berkaitan;
  - (e) Kerja-kerja perundangan korporat yang melibatkan kajian *corporate due diligence*;
  - (f) Kerja-kerja penggubalan undang-undang; dan
  - (g) Kerja-kerja penyediaan kontrak dan perjanjian.

- 2.2 Tidak semua peguam menumpukan kepada kesemua kerja-kerja perundangan di atas. Memandangkan kebanyakannya kes UiTM melibatkan litigasi, maka pelantikan firma guaman untuk mewakili dan melindungi kepentingan UiTM adalah mustahak. Dari segi amalannya, perkara litigasi akan mengambil masa yang lama kerana ia melibatkan dokumentasi, prosedur dan perbicaraan.
- 2.3 Pelantikan sesebuah firma guaman adalah bersandarkan kepada beberapa dasar. Selain terdapat perkara-perkara perundangan yang dibuat secara ad-hoc, kepakaran dan kebolehan seseorang peguam untuk mengendalikan sesuatu perkara perundangan juga diteliti dengan sewajarnya.
- 2.4 Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) UiTM Bil.15/2017 yang bersidang pada 21 Jun 2017 telah bersetuju untuk meluluskan Pekeliling Naib Canselor Bil. 05 Tahun 2017, yang kini telah diluluskan untuk pindaannya melalui mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) UiTM Bil. 37/2020 yang bersidang pada 11 11 2020.

### **3.0 KELAYAKAN LANTIKAN**

- 3.1 Firma guaman yang ingin dilantik hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
  - (a) Firma perkongsian iaitu firma yang mengandungi lebih dari seorang rakan kongsi dan bukan firma milikan tunggal;
  - (b) Salah seorang rakan kongsi adalah berbangsa Melayu atau Bumiputera Sabah dan/atau Sarawak;
  - (c) Sekurang-kurang seorang rakan kongsi merupakan alumni UiTM;
  - (d) Mempunyai peguam yang berpengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam amalan guaman;
  - (e) Berpengalaman mengendalikan kes seperti yang diberikan oleh pihak UiTM;
  - (f) Berkemampuan serta bersedia untuk mewakili UiTM dan menjaga kepentingan UiTM seperti yang dikehendaki oleh UiTM.
  - (g) Firma guaman yang stabil dan kukuh.
- 3.2 Untuk tujuan lantikan bagi mengendalikan sesuatu kes/perkara perundangan, ianya akan dibuat berdasarkan kepada kepakaran masing-masing serta kebolehan mereka mengendalikan sesuatu perkara/kes yang pada pandangan Pejabat Penasihat Undang-Undang UiTM boleh melindungi kepentingan UiTM. Sebagai contoh, tidak semua peguam mahir dalam kes yang melibatkan

tuntutan insuran, jenayah, syarikat dan korporat. Oleh itu, firma yang berbeza perlu dilantik.

#### **4.0 PROSEDUR LANTIKAN**

- 4.1 Lantikan sebagai panel peguam boleh dipertimbangkan atas permohonan oleh sesuatu firma guaman yang melampirkan profil lengkap firma yang mengandungi:
  - (a) Nama firma
  - (b) Tarikh firma ditubuhkan
  - (c) Senarai peguam
  - (d) Bidang kepakaran setiap peguam
  - (e) Butiran sijil amalan setiap peguam
  - (f) Insuran indemniti profesional
- 4.2 Permohonan firma peguam hendaklah diteliti terlebih dahulu oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang.
- 4.3 Pelantikan sebagai panel peguam secara tetap atau pun secara *ad-hoc* hendaklah dibuat oleh Penasihat Undang-Undang UiTM.
- 4.4 Surat lantikan sebagai panel peguam akan ditandatangani oleh Penasihat Undang-Undang Universiti UiTM kepada firma guaman yang berkenaan dengan disertakan syarat-syarat lantikannya.
- 4.5 Bagi mana-mana perkara/kes perundangan yang ingin ditugaskan/diamanahkan, ianya akan dipilih oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang yang akan mengeluarkan surat untuk tujuan tersebut.
- 4.6 Carta aliran prosedur kerja berkaitan pelantikan panel peguam ini adalah seperti di **Lampiran 1**.

#### **5.0 SYARAT-SYARAT LANTIKAN**

- 5.1 Perkara-perkara yang akan dikendalikan boleh meliputi perkara/kes perundangan yang dinyatakan di bawah perenggan 2 di atas.
- 5.2 Bagi setiap kes sivil, pihak panel peguam dikehendaki mengemukakan kepada UiTM salinan dokumen-dokumen berikut:-
  - (a) Pernyataan Tuntutan/Pernyataan Pembelaan;
  - (b) Penghakiman/Perintah;

- (c) Kertas-kertas prosiding Mahkamah dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan kes tersebut.
- 5.3 Setiap perkembangan dalam setiap kes sivil atau perkara pemindahhakan yang diberikan kepada panel peguam untuk mengendalikannya, hendaklah dilaporkan kepada pihak UiTM.
- 5.4 Panel peguam hendaklah membuat laporan bulanan kepada pihak UiTM dalam minggu pertama pada setiap bulan kalendar mengenai setiap kes sivil yang dikendalikan oleh mereka.
- 5.5 Pelantikan akan berkuatkuasa sebaik sahaja UiTM dimaklumkan secara bertulis oleh firma guaman yang dilantik.
- 5.6 Sepanjang tempoh lantikan, firma panel peguam tidak dibenarkan mewakili mana-mana pihak ketiga menentang UiTM atau mewakili mana-mana pihak ketiga dalam apa-apa transaksi yang melibatkan atau menjelaskan hak dan kepentingan UiTM.

## 6.0 LANTIKAN SECARA AD-HOC

- 6.1 Terdapat keperluan untuk lantikan firma guaman secara *ad-hoc* terutamanya bagi situasi-situasi:
  - (a) Keperluan untuk pengendalian kes Mahkamah di negeri-negeri lain;
  - (b) Keperluan untuk pengendalian urusan pemindahhakan (*conveyancing*) di negeri-negeri lain;
  - (c) Terdapat isu jarak dan logistik bagi firma guaman di Lembah Klang untuk pengendalian kes Mahkamah atau urusan *conveyancing* di Negeri-Negeri di Kampus Cawangan;
  - (d) Sebagai suatu tempoh percubaan dan pemerhatian kepada prestasi firma guaman melalui pengendalian satu/dua kes atau urusan sebelum lantikan secara tetap sebagai panel peguam;
  - (e) Terdapat kes atau urusan yang melibatkan kepakaran perundangan yang tertentu yang amat jarang berlaku atau timbul yang tidak memerlukan lantikan secara tetap sebagai panel peguam.
  - (f) Sebagai kesinambungan kepada kes atau urusan yang pernah dikendalikan oleh peguam yang sama ketika di firma guaman yang lama sebelum menyertai firma guaman lain.

- 6.2 Lantikan secara *ad-hoc* hendaklah berlaku secara maksimum untuk pengendalian sebanyak dua (2) kes Mahkamah atau urusan pemindahhakan (*conveyancing*) sahaja.
- 6.3 Bagi lantikan secara *ad-hoc* ini, kelonggaran diberikan dari pematuhan sepenuhnya syarat-syarat kelayakan di bawah perenggan 7 di atas tertakluk kepada persetujuan dari Penasihat Undang-Undang Universiti.

## 7.0 TEMPOH LANTIKAN

- 7.1 Tempoh perlantikan adalah berkuatkuasa mulai tarikh lantikan dibuat.
- 7.2 Pihak UiTM berhak menamatkan perlantikan sebagai panel peguam:
  - (a) pada bila-bila masa melalui notis 24-jam kepada firma guaman berkenaan;
  - (b) apabila tempoh lantikan atau lanjutan sebagai panel peguam telah luput; dan
  - (c) dengan memberikan panel peguam akan notis tiga puluh hari (30) hari secara bertulis.
- 7.3 Pihak panel peguam juga boleh menamatkan perkhidmatan sebagai Peguam Panel dengan mengemukakan kepada UiTM tiga (3) bulan notis bertulis.
- 7.4 Tempoh lantikan sebagai panel peguam ini hendaklah berkuatkuasa selama 2 tahun sahaja dengan pertimbangan untuk pelanjutan tempoh boleh diberikan hanya sekiranya :
  - (a) Ada permohonan untuk perlanjutan dari firma peguam berkenaan.
  - (b) Memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Pekeliling ini; dan
  - (c) Mempamerkan prestasi yang memuaskan sepanjang pengendalian kes/urusan untuk dan bagi pihak UiTM.
  - (d) Surat kelulusan pelanjutan tempoh sebagai panel peguam akan ditandatangani oleh Penasihat Undang-Undang Universiti UiTM kepada firma guaman yang berkenaan.

## 8.0 PEMBAYARAN YURAN GUAMAN DAN “DISBURSEMENTS”

- 8.1 Pembayaran adalah mengikut:
  - (a) Aturan 59, Apendiks, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.
  - (b) Perintah Saraan Peguam Cara 2005, Akta Profesional Undang-Undang 1976.

- (c) Undang-undang lain yang berkaitan, relevan dan berkuatkuasa di Malaysia.
  - (d) Pembayaran-pembayaran lain yang dipersetujui bersama oleh pihak panel peguam dan pihak UiTM.
- 8.2 Bayaran akan hanya dibuat oleh pihak UiTM setelah pihak UiTM mengambil keputusan untuk memulakan kes undang-undang atau urusan pemindahhakkan dan bukan sebelum kes atau urusan dimulakan.
- 8.3 Semua bil guaman hendaklah dibayar oleh PTJ yang daripadanya perkara/kes perundangan itu berasal, setelah dinilai dan disemak keteraturannya oleh pegawai dari Pejabat Penasihat Undang-Undang-Undang.
- 8.4 Bil guaman hendaklah dikemukakan melalui Pejabat Penasihat Undang-Undang, UiTM yang kemudiannya akan dipanjangkan kepada PTJ yang berkenaan.
- 8.5 Sekiranya pihak UiTM mendapati kadar bayaran yang diminta oleh pihak panel peguam adalah terlalu tinggi dan tidak munasabah, firma guaman yang berkenaan akan diminta untuk mengemukakan bil yuran guaman yang baharu dengan yuran yang telah disemak semula.

## **9.0 LAIN-LAIN**

- 9.1 Setiap kes yang dirujuk kepada panel peguam hendaklah diambil tindakan segera.
- 9.2 Setiap Notis Tuntutan Undang-Undang hendaklah dihantar kepada pihak yang dituntut dalam tempoh masa tidak melebihi tujuh (7) hari dan tarikh arahan diterima dan dokumen lengkap diterima.
- 9.3 Tindakan Undang-Undang (Pemfailan Saman dan Pernyataan Tuntutan) hendaklah dimulakan oleh panel peguam dalam tempoh masa tidak melebihi dua puluh lapan (28) hari dan tarikh arahan diterima.
- 9.4 Sekiranya pihak UiTM mendapati pihak panel peguam melakukan kelewatan yang tidak munasabah di dalam memulakan sesuatu tindakan undang-undang setelah diarah berbuat demikian oleh pihak UiTM, maka pihak UiTM mempunyai budibicara mutlak untuk memberikan kes berkenaan kepada Peguam Panel yang lain, setelah memberikan pihak panel peguam satu (1) minggu notis secara bertulis.
- 9.5 Setiap keputusan pihak UiTM dalam perlantikan ini adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.

## **10.0 TARIKH DI KELUARKAN**

Pekeliling ini dikeluarkan pada 15 Disember 2020.

## **11.0 TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 15 Disember 2020.

## **12. PEMAKAIAN**

- 12.2 Untuk tujuan penyelarasan lantikan panel peguam, maka semua PTJ yang berhasrat menggunakan khidmat guaman hendaklah tertakluk kepada garis panduan ini.
- 12.3 Garis panduan ini tidak terpakai kepada mana-mana lantikan peguam yang bukan dibuat melalui Pejabat Penasihat Undang-Undang UiTM.
- 12.4 Pekeliling Naib Canselor Bil. 05 Tahun 2017 adalah kini dimansuhkan.



**PROFESOR EMERITUS DATUK IR. DR. MOHD AZRAAI KASSIM**  
Naib Canselor

*Dikelilingkan kepada :*

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
Semua Dekan-Dekan Fakulti  
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*

*Bil. Fail :100. PUU (14/3)(1)  
No. Siri : 100-UiTM(NC 6/2) 29*

CARTA ALIR KERJA BERKAITAN PANEL PEGUAM UiTM

